

# 'Bantuan Kerajaan MADANI tak kira latar belakang politik'

**Larut:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, bantuan disalurkan Kerajaan MADANI tidak mengira latar belakang politik dengan negeri yang tidak ditadbir gabungan kerjasama itu tidak akan sesekali dilupakan.

Memberi contoh Kelantan dan Kedah, Perdana Menteri berkata, peruntukan pembangunan diluluskan untuk kedua-dua negeri itu mencecah bilion ringgit.

Di Kedah, katanya bantuan RM1 bilion disalurkan buat pesawah, manakala peruntukan pembangunan lebih RM4 bilion pula diberikan kepada Kelantan khususnya dalam usaha mengurangkan kejadian banjir dan pemuliharaan pantai.

"Kelantan kita bagi lebih bukan kerana saya pilih tetapi sebab Kelantan ada masalah besar dengan banjir yang dengan itu kita peruntukkan berbilion ringgit.

"Selain itu, hasil tanaman padinya adalah paling rendah di negara ini, menjadikan kita kena bantu dari segi prasarana

atau infrastruktur.

"Bulan lalu saya *check* (meninjau) beberapa projek di Kedah yang ditadbir bukan parti kerajaan dan ada RM1 bilion diperuntukkan untuk tolong pesawah, walaupun kebanyakan pesawah itu menyokong pembangkang.

"Tapi saya kata saya sebagai Perdana Menteri kena tolong orang... saya nak bagi mesej kepada rakyat yang apabila jadi ketua (pemimpin), Tuhan bagi amanah ini bukan nak kira kita sahaja," katanya ketika berucap pada program Karnival Usahawan Tenuku MADANI 'Memacu Revolusi Pertanian Modern, Menjana Ekonomi Rakyat' di Ladang Tenuku Farm Fresh Pondok Tanjung, Batu Kurau, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Ketua Pengarah Ope-



Anwar diiringi Mohamad Sabu, Saarani dan Azmi (dua dari kanan) ketika hadir pada Karnival Usahawan Tenuku MADANI di Kompleks Tenuku Farm Fresh di Larut, semalam. (Foto L Manimaran/BH)

rasi Farm Fresh, Azmi Zainal.

Sementara itu, Anwar menegaskan, kejayaan Malaysia merintis jalan damai dalam konflik Thailand-Kemboja bukan atas dasar kemampuan peribadi beliau selaku Perdana Menteri

semata-mata, sebaliknya didukung komitmen kekuatan kerja secara berpasukan.

Beliau menegaskan, ini termasuk kerjasama khususnya membabitkan agensi pertahanan dan keselamatan Malaysia.

"Tak betul bahawa yang kita capai itu disebabkan PM (Perdana Menteri) Anwar...(sebaliknya) ia disebabkan pasukan kita yang terdiri dari Kementerian Luar, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta polis," katanya.

Perdana Menteri berkata, hubungan baik Malaysia dengan negara lain, termasuk Thailand dan Kemboja juga di antara faktor mendorong Farm Fresh mengembangkan perusahaannya walau dua negara itu dilanda ketegangan.

"Bila ada perbalahan atau peperangan antara Kemboja dan Thailand; susu dari Thailand tak dapat masuk ke Kemboja, namun susu Farm Fresh sudah memasuki Kemboja.

"Kerana hubungan kita dengan Thailand dan Kemboja baik, Farm Fresh bagi tahu sahaja bila hendak bawa, buka ladang di sana, maka kita akan bagi kerjasama sepenuhnya dan itu manfaat berkawan dengan rakan luar negara ini," katanya.